

BAB SATU
PENDAHULUAN

1.0 Latar Belakang Masalah Kajian

Konotasi *Af'āl Allāh* di dalam istilah ilmu *Uṣūl al-Dīn* merujuk kepada Nama-nama Allāh yang memperlihatkan perbuatanNya (*Asmā' al-Af'āliyyah Ta'ālā*) sebagaimana ia disebutkan di dalam al-Qur'ān al-Karīm¹. Ia merupakan satu bahagian perbahasan mengenai isu ketuhanan (*ilāhiyyāt*) yang disarati dengan polemik pendapat di antara mutakallimun. Tidak dinafikan perbahasan dalam bahagian-bahagian *ilāhiyyāt* yang lain juga berpolemik akan tetapi ia tidak ketara dan meruncing sebagaimana didapati di dalam perbahasan *Af'āl Allāh*.

Fakta ini dibuktikan dengan kelahiran *'Ilm al-Kalām* itu sendiri. Ia berpunca daripada perdebatan yang berlaku di antara dua madhhab mutakallimun iaitu Jabariah² dan Mu'tazilah³ dalam permasalahan *qaḍā'* dan *qadar*. Bermula dengan gesaan khalifah kerajaan *Umayyād* ke atas umat Islam agar mereka menerima fahaman hamba dikerasi (*'abd ijbārī*), umat Islam dipaksa akur kepada kezaliman undang-undang kerajaan. Tindakan ini membangkitkan tentangan daripada golongan berfahaman ikhtiar (*ikhtiyārī*) yang dipelopori oleh tokoh tabi'in iaitu Ma'bad bin 'Abd Allāh al-Juhnī (m.80H)⁴. Sama ada fahaman *ijbārī* mahupun *ikhtiyārī*, kedua-duanya merupakan fahaman yang menyentuh isu kemampuan manusia (*qudrah al-'abd*) iaitu salah satu isu teras permasalahan *Af'āl Allāh*.

¹ Antara contohnya ialah *al-Muḥyī*; *al-Mumit* dalam *Sūrah al-Baqarah* (2:258), *al-Khāliq* dalam *Sūrah al-Ḥashr* (59:24).

² Madhhab yang menafikan kemampuan hamba memilih dan melakukan perbuatan mereka. Madhhab Jabariah terdiri daripada beberapa puak antaranya ialah; *al-Jahmiyyah*; *al-Najjāriyyah*. Lihat penjelasan lanjut mengenai madhhab ini dalam al-Shahrastānī, Abū al-Fatḥ Muḥammad bin 'Abd al-Karīm (2005), *al-Milāl wa al-Niḥāl*, Bayrūt: Dār Ibn Ḥazm, h. 55-56.

³ Mereka juga digelar *Ashāb al-'Adl*, *al-Tawhīd*, *al-Qadariyyah* dan *al-'Adaliyyah*. Puak-puak mereka seperti *al-Wāṣiliyyah*; *al-Hudhayliyyah*; *al-Nazzāmiyyah*; *al-Khābiṭiyyah wa al-Ḥadathiyyah*; *al-Bishriyyah*; *al-Mu'ammariyyah*; *al-Mirdāriyyah*; *al-Thamāmiyyah*; *al-Hishāmiyyah*; *al-Jāhiziyyah*; *al-Khayyāṭiyyah wa al-Ka'biyyah*; *al-Jubāiyyah wa al-Bahshamiyyah*. *Ibid.*, h. 31-51.

⁴ Dr. Muḥammad Rabī' Muḥammad Jawharī (2005), *'Aqīdatunā*, c. 10, j. 1, al-Qāhirah: Jāmi'ah al-Azhar al-Sharīf, h. 27.

Selain wujudnya fahaman *ijbārī* dan *ikhtiyārī*, perbahasan *Af'āl Allāh* juga menyumbang kepada lahirnya Madhhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Bagaimana kita dapati persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Imām al-Ash'arī (260-330H) kepada Abū 'Alī al-Jubāī (235-303H)¹ mengenai konsep *al-ṣalah wa al-aṣlāh*² tidak mampu dijawab oleh al-Jubāī sehingga menimbulkan rasa curiga pada hati Imām al-Ash'arī terhadap fahaman Madhhab Mu'tazilah. Dan hal ini membawa beliau keluar daripada madhhab tersebut dan kemudian mengasas madhhab yang berpegang kepada al-Qur'ān, al-Sunnah dan al-Ijmā'³.

Bahkan, apabila kita menelusuri kronologi perbahasan tentang *Af'āl Allāh*, ia telah diperdebatkan oleh para Sahabat Nabi s.a.w. yang mana perdebatan mereka tidak terkeluar daripada menyentuh permasalahan *qadā'* dan *qadar Allāh* SWT⁴.

¹ Persoalan tersebut adalah berkaitan tentang perihal tiga saudara. Pertama meninggal dunia setelah dewasa dalam ketaatan, yang kedua meninggal dunia ketika usia yang sama tetapi dalam kekufuran manakala yang ketiga meninggal dunia ketika usia masih kecil lagi. Al-Jubāī menjawab; yang pertama dimasukkan ke dalam syurga, yang kedua dimasukkan ke dalam neraka dan yang ketiga tidak dimasukkan ke dalam syurga atau neraka. Berkata Imām al-Ash'arī: "Seandainya yang ketiga berdoa: wahai Tuhan ku, mengapakah Engkau matikan ku semasa aku masih kecil, jika Engkau lanjutkan lagi usia ku nescaya aku mentaati Mu dan bila aku mati aku akan dimasukkan ke dalam syurga!" Jawab al-Jubāī: "Allāh akan berkata: Aku telah mengetahui jika kamu dewasa kamu akan menderhakai Ku. Lantas bila kamu mati kamu akan tetap dimasukkan ke dalam neraka juga. Maka elok untuk kamu mati sewaktu kecil". Berkata Imām al-Ash'arī: "Kalau begitu, saudara kedua pasti berkata: wahai Tuhan ku, mengapakah Engkau tidak matikan ku semasa kecil maka tidaklah aku dimasukkan ke dalam neraka. Apakah jawapan Tuhan?". Al-Jubāī terdiam. *Ibid.*, h. 32-33.

² Usul *al-ṣalah wa al-aṣlāh* merupakan salah satu usul Madhhab Mu'tazilah yang dihipunkan bersama usul *al-luṭf* yang merujuk kepada keadilan (*al-'adl*) Allāh SWT ke atas makhlukNya. *Al-ṣalah wa al-aṣlāh* lebih tepat bermaksud 'membuat yang baik dan yang lebih baik' oleh Allāh untuk makhlukNya setelah Dia menguji mereka dengan keperitan dan kesukaran. Usul ini telah diasaskan oleh Abū 'Alī al-Jubāī, salah seorang tokoh besar Mu'tazilah dari Kota Baghdad. Al-Shahrastānī (2005), *op. cit.*, h. 32.

³ Dicapitkan bahawa Imām al-Ash'arī telah berpegang dengan Madhhab Mu'tazilah selama 40 tahun, iaitu semenjak beliau dilahirkan pada tahun 260 Hijrah sehingga tahun 300 Hijrah yang mana selepas daripada itu beliau mengumumkan bahawa beliau keluar daripada madhhab tersebut. Selain rasa curiga terhadap pegangan Madhhab Mu'tazilah, Imām al-Ash'arī keluar daripada madhhab tersebut kerana dikatakan telah bermimpi bertemu dengan Rasūlullah s.a.w. yang mana baginda bersabda kepada beliau: "*Wahai 'Alī, berilah pertolongan kepada madhhab-madhhab yang diriwayatkan bersumber daripada ku, sesungguhnya ia (madhhab-madhhab) yang benar*". 'Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad 'Umar (t.t), *Tarjimah Abī al-Ḥasan al-Ash'arī, al-Ibānah 'an Uṣūl al-Diyānah*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 3.

⁴ Keterangan ini berpandukan sebuah Ḥadīth s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah r.a.: *Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah keluar dan mendatangi kami yang mana kami sedang berselisih mengenai qadar. Baginda mengetahuinya lalu baginda marah sehingga merah padam wajah baginda dan kemudian bersabda: Apakah hal ini (berselisih) kamu diperintahkan? Atau apakah dengan ini (qadar) saya dibangkitkan? Sesungguhnya telah binasa kaum sebelum daripada kamu kerana mereka berselisih*

Apa yang kita temui, perselisihan pendapat yang berlaku dalam membahaskan konsep *Af'āl Allāh* bukan hanya menyumbang kepada kelahiran '*Ilm al-Kalām* mahupun madhhab mutakallimun bahkan ia turut memberi kesan kepada skop diskriptif perbahasan *Af'āl Allāh* itu sendiri. Bagaimana lafaz tunggal '*af'āl*' telah menimbulkan percanggahan huraian terhadap istilahnya di kalangan mutakallimun. Ada di antara mereka mengistilahkannya sebagai Perbuatan Allāh '*Af'āl Allāh*' dan ada yang mengistilahkannya sebagai perbuatan hamba '*af'āl al-'Ibād*'¹. Ini membuktikan betapa runcingnya polemik dalam permasalahan *Af'āl Allāh*.

Walau bagaimana runcing sekalipun polemiknya permasalahan *Af'āl Allāh*, ia perlu dihuraikan secara jelas kerana ia merupakan permasalahan tunjang akidah umat Islam. Hal ini jelas daripada anjuran Islam ke atas umatnya untuk mengimani dan meredhai ketentuan *qaḍā'* dan *qadar*, rukun Iman yang berkaitan dengan *Af'āl Allāh*. Oleh itu, jika permasalahan *Af'āl Allāh* dibiarkan berada di dalam karungan polemik secara berterusan maka tidak mungkin permasalahan *qaḍā'* dan *qadar* dapat dirungkai dan difahami. Demikian permasalahan *Af'āl Allāh* harus diperinci bagi menyerlahkan kefahaman yang wujud di sebalik faktor polemik dan perselisihan tersebut.

Justeru, ramai tokoh dan sarjana Islam menggembeng usaha dalam menghuraikan permasalahan *Af'āl Allāh*. Ada di antara mereka yang cenderung mengambil metode huraian Jabariah dengan menafikan perbuatan hamba dan mengkategorikan mereka sama seperti ketulan (*jamūdāt*) dan tumbuhan (*nabatāt*)². Ada juga yang berfahaman Mu'tazilah lalu menetapkan hamba sebagai penguasa³. Dan ada

tentang perkara ini. Saya berazam agar kamu tidak berselisih mengenainya. Lihat Majma' al-Buḥūth al-Islāmiyyah (t.t), j. 1, h. 71.

¹ Di sisi mutakallimun, percanggahan huraian terhadap definisi *af'āl* sama ada diistilahkan sebagai Perbuatan Allāh atau perbuatan hamba dianggap sebagai perselisihan dari sudut metafora (*majjāzī*). Ini kerana mereka bersepakat mengatakan bahawa perbuatan hamba adalah bersifat objek yang digerakkan (*muhḥarak*) manakala Perbuatan Allāh adalah subjek penggerak (*muhḥarrik*). Oleh itu segolongan mutakallimun menyebutnya '*Af'āl Allāh*' seperti al-Jurjānī sendiri dan ada yang menyebutnya *af'āl al-'Ibād* seperti mana al-Taftāzānī.

² Al-Shahrastānī (2005), *op.cit.*, h. 55.

³ *Ibid.*, h. 31.

yang mengambil inisiatif pertengahan dengan menafikan kemampuan hamba kecuali pilihan mereka sebagaimana fahaman Ahl al-Sunnah¹. Malah tidak kurang juga ada yang mengatakan manusia sebagai pelaku hakiki (*fā'il al-ḥaqīqī*) manakala Allāh pula sebagai Pencipta perbuatan hamba (*khāliq al-af'āl*) sebagaimana pendapat Ibn Taymiyyah².

Sungguhpun begitu, tidak semua cara huraian dan penyelesaian ini bernas dan mampu merawat polemik pendapat yang melanda permasalahan *Af'āl Allāh*. Bagi fahaman Jabariah dan Mu'tazilah kedua-duanya mempunyai persamaan dari sudut ekstremis walaupun fikrah mereka berbeza, dan ekstremisme tidak tepat untuk menggambarkan kekudusan sifat *Af'āl Allāh*³.

Apa yang diutarakan oleh Ibn Taymiyyah pula menyalahi tasawwur wahyu terhadap *Af'āl Allāh*. Pemakaian lafaz 'pelaku hakiki' ke atas hamba memerlukan syarat-syarat tertentu⁴ yang membolehkan mereka layak digelar demikian akan tetapi syarat-syarat tersebut mustahil hamba memilikinya⁵.

¹ *Ibid.*, h. 58.

² Ibn Taymiyyah, Taqī al-Dīn Abū al-'Abbās Ahmad bin 'Abd al-Ḥalīm bin 'Abd al-Sallām bin Taymiyyah al-Ḥarrānī al-Dimashqī (1966), *al-'Aqīdah al-Ḥamwiyyah al-Kubrā*, Dimashq: Ṭaba'ah Ṣabīḥ, h. 45. Lihat juga Syed Muhammad Hilmi Syed Abdul Rahman (2001M) Disertasi M.A, *Konsep Qada' dan Qadar di dalam Islam. Suatu kajian tentang kefahaman orang Melayu di Bandar Kuantan*, Akademi Pengajian Islam UM, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, h. 66-67.

³ Al-Jurjānī telah mengemukakan setiap hujah Jabariah dan Mu'tazilah dalam permasalahan *Af'āl Allāh* secara terperinci. Ternyata corak pemikiran dan manhaj hujah mereka bersifat melampau. Ianya tersasar daripada apa yang dikehendaki oleh al-Qur'ān dan al-Sunnah. Al-Jurjānī, al-Sayyīd al-Sharīf 'Alī bin Muḥammad (1998), *Sharḥ al-Mawāqif*, j. 8, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 163-177.

⁴ Antara syarat tersebut ialah: wajib pelaku tersebut memiliki kekuatan mutlak yang tidak bersandarkan pada kuasa luar; tidak didorong oleh kuasa dan keinginan lain; mengetahui terperinci kekuatan yang dikeluarkan untuk menghasilkan perbuatan; mengetahui kesan yang terhasil sebelum ianya wujud. Lihat penjelasan lanjut mengenai syarat-syarat ini oleh al-Taftāzānī, Mas'ūd bin 'Umar bin 'Abd Allāh (2001), *Sharḥ al-Maqāsid*, j. 3, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 164-165.

⁵ Al-Bayjūrī menegaskan bahawa tiada seorang pun daripada Madhhab *al-Salaf al-Ṣāliḥ* mengatakan sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn Taymiyyah. Ini kerana, jika beliau mengitlaqkan lafaz *fā'il al-ḥaqīqī* tersebut kepada hamba dengan maksud majazi, maka hamba juga adalah pelaku hakiki ke atas perbuatan bukan pilihan mereka (*af'āl ghayr al-ikhtiyāriyyah li al-'Ibād*) seperti dengupan jantung dan berfikir. Hal ini amat bersalahan dengan fahaman kaum *al-Salaf al-Ṣāliḥ* yang mengimani segala kejadian berlaku di bawah kekuasaan Allāh. Manakala jika Ibn Taymiyyah mengitlaqkan lafaz tersebut dengan memberi maksud maknawi, maka hamba akan menyamai Allāh. Al-Bayjūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad (1939), *Tuḥfah al-Murīd 'alā Jawharah al-Tawḥīd*, al-Qāhirah: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 40.

Hanya kita dapati fahaman Ahl al-Sunnah sahaja yang menepati keterangan wahyu dan memuaskan logik akal. Mereka mengistilahkan kemampuan hamba (*qudrah al-'abd*) hanyalah sekadar pilihan hamba di samping mengekalkan *Af'āl Allāh* menguasai setiap sesuatu. Mereka menyifatkan hamba sebagai pemilih perbuatan yang terdesak (*mukhtār al-fi'l al-mudtṭarrūn*) berbanding pelaku hakiki¹.

Secara lebih teliti, Ahl al-Sunnah mengambil pendekatan Madhhab *al-Salaf al-Ṣāliḥ* apabila berhadapan dengan keterangan-keterangan al-Qur'ān dan Ḥādīth berhubung *Af'āl Allāh*. Mereka tidak mengambil mudah penafsiran ataupun pentakwilan kedua-duanya. Mereka menggunakan akal sebagai perantaraan (*wasīlah*) dan berpandukan manhaj kupasan (*manhajīyyah baḥth*) yang mapan demi mencapai konklusi mereka². Madhhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang dimaksudkan di sini ialah Madhhab Ashā'irah³.

Madhhab Ashā'irah telah mengkaji secara mendalam isu *Af'āl Allāh* khasnya semenjak daripada mula ia dibahaskan oleh Qadariah⁴. Oleh itu, kita dapati tokoh-tokoh Ashā'irah berkemahiran dalam menjelaskan isu *Af'āl Allāh* dan hal-hal yang berkaitan dengannya⁵. Maka tidak hairan mengapa golongan perintis (*mutaqqadimūn*) daripada mereka berupaya membahaskan isu ini dengan halus bertunjangkan dalil *naqlī* yang konkrit bahkan juga tidak hairan mengapa golongan kemudian (*mutā'akhirūn*)

¹ Dr. 'Abd al-'Azīz Sayf al-Naṣr (1983), *Falsafah 'Ilm al-Kalām fī al-Ṣifāt al-Ilāhiyyah: Minhājān wa Taṭbīqān*, al-Qāhirah: Jāmi'ah al-Azhār al-Sharīf, h. 145.

² Al-Ghazzālī menyatakan bahawa Ashā'irah dan Māturīdiyyah tidak mentakwilkan al-Qur'ān mahupun Ḥādīth secara zahir atau batin. Pengangan mereka dalam pentafsiran dan pentakwilan ialah mentafsir dan mentakwil sebagaimana tafsiran dan takwilan yang telah diturunkan oleh Allāh SWT. Jika tiada sebarang pentafsiran dan pentakwilan daripadaNya, mereka menerima keteranganNya dengan redha. Al-Ghazzālī (1981), *Ijām al-'Awām*, al-Qāhirah: Maṭba'ah al-Azhār li al-Turāth, h. 14.

³ Madhhab Māturīdīyah juga disebut sebagai Madhhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Akan tetapi konteks kajian ini adalah menjurus kepada pemikiran al-Jurjānī salah seorang tokoh Ashā'irah. Oleh itu kajian ini akan lebih memberi fokus kepada corak huraian dan penghujahan Ashā'irah berbanding Māturīdīyah.

⁴ Salah satu puak cabang daripada puak Madhhab Mu'tazilah. Lihat al-Shahrastānī (2005), *op. cit.*, h. 31.

⁵ Seperti perbezaan *Af'āl Allāh* dengan *af'āl al-'Ibād*, sifat *al-ta'allūq*, hakikat *jā'iz* dan lain-lain.

pula berupaya membahaskannya dengan kritis berasaskan hujah *'aqlī* yang efektif. Dan salah seorang daripada *mutā'akhirūn* tersebut ialah al-Sayyīd al-Sharīf al-Jurjānī r.h.

Bertepatan dengan waqi' ilmiah semasa yang bukan sekadar melihat suatu maklumat dari bentuknya yang berupa konklusi dan natijah semata-mata malah dahagikan kepada huraian dan penjelasannya yang berautoriti dan beramanah, karya al-Jurjānī, *Sharḥ al-Mawāqif* adalah jawapannya kepada kehausan waqi' tersebut dalam memahami *'Ilm al-Kalām* amnya dan isu *Af'āl Allāh* khasnya.

Sebagaimana kita maklum, dalam konteks anutan dan pengajian akidah di Malaysia, iktikad Madhhab Ashā'irah telah sekian lama diterima dan menjadi panduan kepada masyarakat Islam di sini. Namun, mengapakah wujud segolongan daripada mereka yang masih ragu-ragu dalam memilih cara beriktikad yang betul untuk memahami permasalahan akidah terutamanya konsep *Af'āl Allāh*? Ada yang keliru dalam mengenal pasti apakah pegangan madhhab akidah mereka? Ada yang mengakui mendasari pegangan Ashā'irah atau Māturīdiah tetapi menceduk fahaman *zahīriyyah*¹ atau *bā'iniyyah*². Apa yang lebih mengelirukan lagi, fahaman-fahaman yang telah semakin pupus dan tenat suatu ketika dahulu seperti fahaman Mu'tazilah dan *Hukamā'*³ dilihat kembali pulih malah dipakaikan dengan wajah-wajah baru seperti neo-Mu'tazilah dan sebagainya⁴.

Justeru, melalui kajian ini penulis berhasrat untuk memperlihatkan kepada masyarakat Islam di Malaysia khasnya usul akidah yang telah dan seharusnya mereka anuti, agar ianya sedikit sebanyak membantu untuk menangani masalah akidah yang

¹ *Zahīriyyah* yang dimaksudkan ialah golongan yang mengambil mafhum daripada keterangan zahir al-Qur'ān dan al-Ḥadīth.

² Fahaman yang dimaksudkan ialah fahaman *'Alawiyah* dari kelompok *Imāmiyyah* dari Madhhab Syiah. Lihat penjelasan lanjut yang dikemukakan oleh Dr. Muṣṭafā Muḥammad al-Shāqqah (1994), *Islām bi Lā Madhāhib*, al-Qāhirah: Dār al-Sallām, h. 290.

³ Golongan yang mentafsirkan permasalahan metafizik atau kanun antologi mengikut fahaman falsafah.

⁴ Dr. Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (2003), *Konsep Perbuatan Allah (AF'ĀL ALLAH) Dalam Pemikiran Islam, Pengaruh Dan Kesannya Kepada Pemikiran Umat Islam Di Malaysia*, Kertas Kerja Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan 11 Jan 2003, h. 13.

sedang melanda. Apa yang dapat dipastikan, penulis akan cuba meneruskan usaha yang telah dilakukan oleh tokoh-tokoh Ashā‘irah terdahulu dan semasa dalam merawat polemik dan perselisihan pendapat dalam permasalahan *Af‘āl Allāh*. Ini bukan kerana permasalahan tersebut hanya suatu permasalahan yang berpolemik bahkan kerana ianya suatu permasalahan akidah yang mengukur pegangan iktikad seseorang Muslim.

1.1 Permasalahan Kajian

Antara permasalahan yang memangkinkan kajian ini dijalankan:

- i. Kewujudan berbagai ideologi dalam *‘Ilm al-Kalām* menyebabkan berbagai juga corak pemikiran, hujah dan konklusi dalam hal akidah. Justeru, kajian ini memfokuskan apakah corak pemikiran al-Jurjānī selaku tokoh Ashā‘irah dalam permasalahan *Af‘āl Allāh*
- ii. Garis panduan untuk menetapkan penghujahan dan kesimpulan terhadap permasalahan akidah itu sebagai benar dan tepat ialah al-Qur’ān dan al-Sunnah s.a.w. Demikian juga kajian ini akan mengukur sejauh manakah penghujahan dan kesimpulan al-Jurjānī terhadap permasalahan *Af‘āl Allāh* menepati kedua-duanya
- iii. Ashā‘irah telah mengimbangi fahaman Madhhab Jabariah dan Mu‘tazilah dalam permasalahan *Af‘āl Allāh*. Oleh itu, kajian ini juga akan cuba mengenal pasti apakah al-Jurjānī juga telah mengimbangi fahaman kedua-dua madhhab dan apakah fahaman-fahaman yang telah diimbangi tersebut

1.2 Objektif Kajian

- i. Mengkaji corak pemikiran dan penghujahan al-Jurjānī dalam permasalahan *Af'āl Allāh*. Kajian akan meneliti apakah manhaj yang digunakan oleh beliau dalam mengemukakan pendapat dan konklusi menyelesaikan permasalahan ini. Dan sejauh manakah manhaj tersebut mampu menjelaskan isu-isu yang terkandung dalam permasalahan *Af'āl Allāh*?
- ii. Menganalisis teori dan keputusan yang telah dicapai oleh Ashā'irah iaitu merujuk kepada konsep *al-kasb*, *jā'iz*, *ṣifah al-ta'allūqiyyah* dan *manhāj al-Salaf al-Ṣāliḥ* yang telah dikemukakan oleh mereka secara khusus dalam membincangkan konsep *Af'āl Allāh*. Kajian akan melihat sejauh manakah al-Jurjānī menerima konsep-konsep di atas dan apakah ia benar mampu merawat polemik yang berlaku dalam *Af'āl Allāh*. Di samping itu juga, kajian akan melihat apakah konsep-konsep ini menepati apa yang diingini wahyu dan rasionaliti akal
- iii. Mengenal pasti masalah-masalah *Af'āl Allāh* yang menjadi faktor kepada perselisihan pendapat mutakallimun. Oleh itu, di sini kajian pertamanya akan cuba mengenal pasti apakah penyebab berlakunya ikhtilaf dalam masyarakat Islam terhadap permasalahan *Af'āl Allāh* terutamanya dalam isu *al-Irādah Allāh* serta *qaḍā'* dan *Qadar*. Dan kedua, kajian akan mendedahkan ketepatan dan kekurangan yang terdapat dalam manhaj dan minhaj Mu'tazilah dan **H**ukamā' terhadap permasalahan *Af'āl Allāh*
- iv. Menterjemah teks pilihan *al-Marṣad al-Sūdis* daripada kitab *Sharḥ al-Mawāqif* supaya ia dapat dimanfaatkan oleh pengkaji dan penyelidik lain

1.3 Kepentingan Kajian

Permasalahan *Af'āl Allāh* sering dilihat sebagai penyumbang kepada perselisihan pendapat di kalangan umat Islam. Penulis dapati di institusi-institusi pengajian Islam terkemuka dunia, pendedahan ilmuwan *Uṣūl al-Dīn* mengenai permasalahan ini lebih ketara berbanding di Asia Tenggara terutamanya di Malaysia. Oleh itu, di sana permasalahan ini telah giat diperjelas dan dirawat. Walau bagaimana pun, penulis akui masih wujud aliran-aliran pemikiran yang cuba menjadikannya kusut kembali. Berpandukan kenyataan tersebut, kajian ini diharapkan dapat memenuhi kepentingan-kepentingan berikut:

- i. Mengetengahkan kepada masyarakat Islam di Malaysia corak pemikiran dan penghujahan Ashā'irah supaya ia dapat diaplikasikan dalam menyelesaikan permasalahan akidah, terutamanya isu-isu berkaitan *Af'āl Allāh*
- ii. Memperkemaskan fahaman akidah Madhhab Ashā'irah di kalangan masyarakat Islam di Malaysia khususnya dalam memahami permasalahan *Af'āl Allāh*
- iii. Membasmi fahaman-fahaman berkenaan konsep *Af'āl Allāh* yang tersasar daripada landasan al-Qur'ān dan al-Sunnah
- iv. Menyediakan bahan bacaan ilmiah bagi keperluan warga universiti mahupun masyarakat luar dalam menangani kesalahan pemahaman terhadap konsep *Af'āl Allāh*

1.4 Sebab pemilihan tokoh dan kitab

Oleh kerana kajian ini adalah menganalisa pemikiran al-Jurjānī dalam karya beliau *Sharḥ al-Mawāqif*, adalah perlu penulis menyatakan secara ringkas di sini sebab pemilihan tokoh dan karya tersebut.

Dalam skop pengkajian akidah di Malaysia, nama al-Sayyīd al-Sharīf atau al-Jurjānī agak jarang disebut atau dikenali berbanding nama-nama seperti al-Bāqilānī, al-Ghazzālī dan Fakhr al-Dīn al-Rāzī. Ini berikutan usaha pendedahan terhadap corak pemikiran al-Jurjānī lebih-lebih lagi dalam *‘Ilm al-Kalām* masih belum dilakukan secara bersungguh oleh mana-mana pengkaji atau penyelidik tempatan.

Kemungkinan besar ia berpunca daripada kesukaran mereka memahami secara terperinci corak pemikiran al-Jurjānī. Ini kerana pengolahan beliau terhadap permasalahan akidah adalah amat mendalam. Dalam masa yang sama, keperluan masyarakat Islam di Malaysia untuk memahami permasalahan akidah secara lebih mendalam adalah besar kerana dengan ini sahaja mereka mampu membentuk iktikad yang lebih utuh dalam pegangan mereka di samping mampu menolak fahaman-fahaman yang menyeleweng kini. Bertitik tolak dari itu, penulis rasakan perlu ada usaha mendedahkan corak pemikiran akidah al-Jurjānī secara lebih serius. Di samping itu juga, terdapat beberapa faktor lain dalam pemilihan tokoh dan karya tersebut, antaranya ialah:

- i. Pemikiran al-Jurjānī telah memberi banyak manfaat dalam menyelesaikan permasalahan akidah. Ketokohan beliau ini telah diperakui oleh dunia Islam seluruhnya bahkan dunia Barat turut mengenali al-Jurjānī sebagai tokoh

mutakallimun terkemuka kurun ke-15 Masihi¹. Bertepatan dengan itu, adalah perlu masyarakat Islam di Malaysia kini mengenali ketokohan dan memanfaatkan pemikiran beliau secara lebih mendalam.

- ii. Kitab *Sharḥ al-Mawāqif* merupakan antara bahan rujukan utama (*ummahāt al-Kutub*) dalam bidang akidah di institusi-institusi pengajian tinggi Islam dunia². Demikian, seharusnya ia juga menjadi bahan kajian utama di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia³.

1.5 Skop Kajian

Berpandukan permasalahan dan objektif yang dinyatakan di atas, secara keseluruhan kajian ini akan memberi tumpuan khusus kepada permasalahan *Af'āl Allāh* di dalam *Sharḥ al-Mawāqif*. Akan tetapi dari sudut keperincian, kajian ini terbatas kepada beberapa skop tertentu.

Dalam konteks corak pemikiran, skopnya lebih tertumpu kepada pendapat-pendapat al-Jurjānī. Ini adalah untuk mengenal pasti corak pemikiran beliau secara mendalam apakah beliau berjaya mengemukakan pandangan baru yang mampu merawat permasalahan *Af'āl Allāh* dan apakah ciri-ciri pandangan tersebut? Walau bagaimana pun, penulis akan merujuk kepada bahagian-bahagian tertentu dalam *Sharḥ al-Mawāqif* yang mempunyai perkaitan bagi memperjelas atau memperkukuhkan analisis yang telah dilakukan.

¹ Nicholas Heer (1967), *Rational And Traditional Proofs In Islamic Theology*, American Oriental Society, Conneticut, <http://faculty.washington.edu>.

² Contohnya di Universiti al-Azhar al-Sharīf, *Sharḥ al-Mawāqif* telah menjadi sukatan pelajaran wajib bagi pelajar tahun akhir sarjana muda dan pra sarjana (*tamhīdī*) di jabatan akidah dan falsafah semenjak tahun 80-an. Lihat al-Ṣāfī, Dr. Muḥy al-Dīn al-Ṣāfī (2006), *al-Muḥaḍarah fī 'Ilm al-Tawḥīd*, al-Qāhirah: Jāmi'ah al-Azhar al-Sharīf, h. 11.

³ Penulis telah mempelajari secara *talaqqī* dan mendalami *Sharḥ al-Mawāqif* dalam bab *al-Ilāhiyyāh* semasa penulis berada di peringkat pengajian Sarjana Tinggi (*dirāsāt al-'Ulyā*) di Universiti al-Azhar al-Sharīf (2005-2006) daripada guru-guru seperti Prof. Dr. Muḥy al-Dīn al-Ṣāfī, Prof. Dr. Muḥammad Rabī' Muḥammad Jawharī, Prof. Dr. 'Abd Mu'ṭī al-Bayyūmī. Di samping itu, penulis telah melakukan kajian dan penelitian ke atas *al-Mawqif al-Khāmis fī al-Ilāhiyyāt*. Penulis dapati ia dimuatkan dengan jawapan dan hujah yang mampu menangani isu yang berkaitan dengan permasalahan *Af'āl Allāh* di Malaysia.

Selain itu, kajian ini juga akan meneliti konsep-konsep *Af'āl Allāh* yang dikemukakan oleh mutakallimun secara keseluruhan. Penelitian ini memfokuskan konsep-konsep yang dikemukakan oleh al-Jurjānī dalam *Sharḥ al-Mawāqif* sahaja. Tujuannya adalah untuk menganalisis secara umum bentuk istilah dan metode penghujahan mutakallimun dalam permasalahan ini. Penelitian secara khusus juga akan dibuat terhadap metode-metode penyelesaian Ashā'irah terhadap isu-isu *Af'āl Allāh* bagi memastikan metode-metode tersebut menepati apa yang diingini oleh al-Qur'ān dan al-Sunnah.

1.6 Sorotan Kajian-Kajian Terdahulu

Oleh kerana kajian yang dijalankan oleh penulis ini dalam bahasa ibunda, hasrat penulis adalah lebih cenderung untuk mengemukakan sorotan kajian-kajian terdahulu yang juga dalam bahasa yang sama bagi mewujudkan suatu ikatan ilmiah yang mampu diketengahkan sebagai kesinambungan pengkajian ke atas permasalahan akidah di Malaysia. Walau bagaimana pun, penulis dapati tidak ramai sarjana tempatan yang membahaskan permasalahan *Af'āl Allāh*. Di sini penulis nyatakan beberapa karya mereka yang berjaya diperolehi penulis di samping karya-karya sarjana lain.

- i. *Konsep qadā' dan qadar di dalam Islam. Suatu Kajian Tentang Kefahaman Orang Melayu di Bandar Kuantan* oleh Syed Muhammad Hilmi Syed Abdul Rahman (UM) (2001M). Ianya sebuah kajian disertasi bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang mengupas permasalahan *qadā'* dan *qadar* dan hubungkaitnya dengan lapangan kajian. Kajian ini mengutarakan banyak pendapat-pendapat kontemporari dalam menyelesaikan permasalahan yang dikaji. Kajian ini secara ringkas mengemukakan pandangan-pandangan mutakallimun mengenai permasalahan

Af'āl Allāh. Walau bagaimanapun, pandangan-pandangan tersebut adalah umum dan tidak dihuraikan dengan hujah yang lebih terperinci.

- ii. *Konsep Perbuatan Allah (AF'ĀL ALLĀH) Dalam Pemikiran Islam, Pengaruh Dan Kesannya Kepada Pemikiran Umat Islam Di Malaysia* oleh Dr. Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (UM) (2004M). Ia merupakan sebuah artikel yang diterbitkan dalam Jurnal Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya¹ yang mengupas permasalahan *Af'āl Allāh* dan hubungkaitnya dengan makhluk bagi menjelaskan konsep keadilan Allāh. Kajian ini mengutarakan beberapa pandangan daripada *Sharḥ al-Mawāqif* secara umum dan amat sedikit. Malah kajian ini dilihat lebih cenderung mengemukakan pandangan Mu'tazilah dan beberapa pandangan dari Madhhab Syiah.

Kedua-dua kajian ini penulis jadinya sebagai rujukan bagi memahami corak pemikiran madhhab mutakallimun terutamanya Mu'tazilah di samping mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan *qaḍā' dan qadar*. Apa yang menarik, kedua-dua kajian ini lebih memberi penekanan dan dokongan kepada corak pemikiran yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyyah dan Mu'tazilah berbanding Ashā'irah atau Māturīdiah dalam menjelaskan permasalahan *Af'āl Allāh*.

- iii. *Rational And Traditional Proofs In Islamic Theology* oleh Dr. Nicholas Heer (1967M). Ianya sebuah kertas kerja untuk seminar Orientasi Sosialiti Ketimuran Amerika (*American Oriental Society*) yang memfokuskan kupasan kepada kaedah epistemologi yang diolah al-Jurjānī dalam mengemukakan metode teoretikal *'Ilm al-Kalām*. Ia lebih melihat kepada pendekatan pendalilan *'Ilm al-Kalām* al-Jurjānī dalam *Sharḥ al-Mawāqif*.

¹ Lihat juga versi kertas kerja beliau (dengan judul yang sama) untuk seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan Kuala Lumpur pada 2003.

Penulis dapati kajian ini lebih cenderung menganalisa corak manhaj mantik yang digunakan oleh al-Jurjānī. Penulis memanfaatkan kajian ini dalam bab yang membincangkan tentang ketokohan dan sumbangan beliau.

iv. *Existence (al-Wujūd) And Its Relations To Quiddity (al-Māhiyah) In The Later Ash'arite Kalam: With Special Reference To 'Adud al-Din al-Iji's al-Mawāqif And al-Sayyid al-Sharif al-Jurjani's Sharḥ al-Mawāqif* oleh Mohd Zaidi Ismail, Dr. (2005M). Ia sebuah tesis bagi memenuhi keperluan Ijazah Tinggi Doktor Falsafah (PhD) di ISTAC-Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang mengkaji tentang bagaimanakah suatu asas kewujudan terbina daripada inti sari (*māhiyah*). Secara keseluruhan tesis ini dihasilkan berpandukan tulisan al-Ījī dan al-Jurjānī dalam *al-Mawāqif* dan *Sharḥnya*, namun terfokus membahaskan perkara-perkara umum (*umūr al-'Āmmah*).

Penulis dapati tesis ini dihasilkan di atas skop yang berbeza daripada skop kajian penulis. Walau bagaimanapun, penulis merujuknya bagi melihat corak atau pola pemikiran al-Jurjānī dalam menghasilkan *Sharḥ al-Mawāqif*.

Kesemua kajian-kajian yang dinyatakan di atas, penulis dapati ia tidak menjurus pada membahaskan permasalahan, objektif dan kepentingan sebagaimana fokus kajian yang dijalankan oleh penulis.

1.7 Metodologi Kajian

Keseluruhan kajian ini adalah berkonsepkan perpustakaan atau *library research*.

Penulis mengaplikasikan beberapa kaedah kajian seperti berikut.

(a) Kaedah Pengumpulan Data

Dalam menjayakan proses pengumpulan data, penulis bergantung hampir sepenuhnya kepada metode dokumentasi. Dokumen-dokumen seperti buku, kamus, ensiklopedia, disertasi ilmiah, kertas kerja, maklumat internet merupakan rujukan penulis dalam menghasilkan analisis dan konklusi kajian ini. Penulis membahagikannya kepada dua bahagian, iaitu primer dan sekunder (*maṣādir wa marāji'*) bagi mendapatkan gambaran jelas segala fakta, hujah, pemikiran dan keaslian pendapat yang diperolehi.

Kebanyakan dokumen-dokumen ini terutamanya buku adalah dari koleksi penulis sendiri. Walau bagaimana pun penulis mendapatkannya juga di beberapa perpustakaan seperti Perpustakaan al-Zahrā, Lundang, Kota Bharu; Perpustakaan Warisan Islam, Masjid Muhammadi, Kota Bharu; Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya; Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia. Di samping itu, penulis juga mendapatkannya daripada koleksi persendirian seperti daripada Ustaz Ubaidillah Seman¹ dan Ustaz Mahadi Ariffin².

¹ Seorang guru agama dan penceramah bebas di Kuala Lumpur.

² Seorang guru pondok di Selatan Thai yang berhijrah ke Malaysia. Beliau memiliki koleksi himpunan kitab *turāth* yang jarang didapati di mana-mana perpustakaan.

(b) Kaedah Analisis Data

Penulis menggunakan metode penganalisan data yang bersifat kualitatif iaitu analisis yang berdasarkan fakta-fakta yang tidak memerlukan usaha pengklasifikasian¹. Dalam usaha penganalisan proses pemecahan masalah besar kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil supaya masalah kajian tersebut mudah ditangani, penulis menganalisis bahagian-bahagian di dalam permasalahan *Af'āl Allāh* bagi mengeluarkan kesimpulan-kesimpulan bagi setiap masalah yang dikaji. Bagi mencapai maksud itu, penulis telah menggunakan metode-metode berikut:

i. Induktif

Iaitu metode bagi mengeluarkan kesimpulan umum atau mengeneralisasi hukum berdasarkan pengamatan atau penelitian terhadap contoh-contoh juz'i.

ii. Deduktif

Metode bagi menetapkan hukum ke atas contoh-contoh juz'i berdasarkan kesimpulan umum.

iii. Komparatif

Iaitu cara membuat kesimpulan dengan membandingkan beberapa data yang didapati. Metode ini digunakan sewaktu penulis membandingkan pemikiran al-Jurjānī di dalam *Sharḥ al-Mawāqif* dengan rujukan-rujukan beliau yang lain di samping membandingkannya dengan pemikiran beberapa tokoh mutakallimun yang lain sama ada yang sealiran dengan beliau mahupun daripada madhhab yang berbeza.

¹ Sidi Gazalba (1981M), *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*, Kuala Lumpur, Pustaka Antara, h. 128.